

Malaysia capai 80 peratus dewasa lengkap divaksinasi

PM ucap tahniah kejayaan PICK, hargai pengorbanan petugas barisan hadapan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Selepas kira-kira lapan bulan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Malaysia semalam berjaya mencapai kadar 80 peratus daripada penduduk dewasa lengkap menerima vaksin COVID-19.

Berita gembira itu dimaklumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam cipapan di Twitter yang mengucapkan tahniah atas kejayaan PICK.

Beliau turut memberikan kata-kata semangat untuk rakyat Malaysia bagi meneruskan usaha bersama memerangi pandemik COVID-19.

“Tahniah! Malaysia mencapai 80 peratus populasi dewasa negara sudah lengkap divaksinasi. Teruskan usaha kita perangi COVID-19,” katanya

Dalam perkongsian menerusi Facebook pula, Ismail Sabri menyifatkan, pencapaian itu adalah hasil pengorbanan petugas barisan hadapan menjayakan program vaksinasi dengan sokongan rakyat yang tampil mendapatkan suntikan imunisasi COVID-19, tidak kira di mana sahaja mereka berada.

“Hasil pengorbanan petugas barisan hadapan dengan soko-

ngan jitu seluruh Keluarga Malaysia dalam mendapatkan vaksin, tidak mengira tua atau muda, baik yang di kota, juga di desa, kadar vaksinasi negara akhirnya telah mencapai 80 peratus populasi. Tahniah, ini adalah kejayaan kita semua!” katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, ketika membalas ciapan Ismail Sabri di Twitter, berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) kini sedang menjejaki 20 peratus lagi golongan dewasa yang belum atau enggan divaksinasi.

“Pada jam 1300hrs (1 tengah hari) hari ini (semalam), Malaysia sudah mencapai sasaran 80

peratus penduduk dewasa lengkap divaksinasi.

“Walaupun sasaran awal adalah 80 peratus populasi dewasa, sekarang @JKJAVMY (Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19) (JKJAV) akan berusaha untuk menjejaki 20 peratus lagi yang belum atau enggan divaksinasi,” katanya.

Kerajaan pada 24 Februari lalu melancarkan PICK bagi memberikan vaksinasi untuk membendung pandemik COVID-19 di seluruh negara.

Menurut data daripada portal COVIDNOW, kerajaan menyasarkan 80 peratus atau 26,125,920 rakyat negara ini akan lengkap divaksinasi menjelang 16 Disem-

ber tahun ini.

Walaupun jumlah kes penularan harian wabak COVID-19 yang direkodkan masih lima angka, rata-rata pesakit COVID-19 kini hanya berada dalam Kategori Satu dan Dua.

Minggu lalu, Khairy mengumumkan PICK Remaja dimulakan secara rasmi dengan menyasar pembabitan 3.2 juta remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Beliau berkata, pelaksanaan PICK Remaja dilakukan melalui beberapa kaedah, antaranya secara jangkau luar ke sekolah atau institusi secara berjadual, suntikan di klinik kesihatan dan hospital serta kaedah jumpa terus (walk-in) di Pusat Pemberi-

“Tahniah! Malaysia mencapai 80 peratus populasi dewasa negara sudah lengkap divaksinasi. Teruskan usaha kita perangi COVID-19”

Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri



an Vaksin (PPV) terpilih di seluruh negara.

Setakat ini, sebanyak 156 PPV Awam dan Intergrasi dikenal pasti bagi menyediakan suntikan vaksin secara walk-in kepada remaja di seluruh negara mulai esok.

Sementara itu, portal COVIDNOW turut memaklumkan sebanyak 289,618 dos suntikan vaksin sudah diberikan kelmarin, memabitkan 94,145 dos pertama dan 195,473 dos lengkap, menjadikan jumlah kumulatif pemberian dos vaksin menerusi PICK adalah sebanyak 40,664,674 dos.

Kematian akibat COVID-19 setakat tengah malam kelmarin juga mencatatkan pertambahan 301 kes, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian di negara ini kini 23,744.

Jumlah itu merangkumi tujuh kematian sebenar harian COVID-19 direkodkan tempoh 24 jam (20 September), manakala selebihnya adalah kes kematian tertunggak atau backlog, bagaimanapun angka itu boleh berubah sekiranya terdapat kes kematian yang dikemas kini.

Berdasarkan graf purata jumlah kes kematian harian sebenar selama tujuh hari pula, trend kematian pesakit COVID-19 menunjukkan penurunan selaras peningkatan populasi lengkap divaksinasi serta yang menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.



Sebahagian pelajar membuat pendaftaran untuk mendapat vaksin pada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Remaja di PPV Dewan Canselor MSU, Shah Alam, semalam.

(FOTO Owee Ah Chun /BH)